

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 04.06.2026 MASA: 3.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

SUNGAI PERAI NATURE WALK 2026

TARIKH / MASA / TEMPAT

**07 JUN 2026 (AHAD)
7.10 PAGI**

**KAMPUNG KUALA MENGKUANG, KUBANG SEMANG
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman
Pengarah Korporat Merangkap Penyelaras Program

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Persekutuan, Negeri dan MBSP

Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam program ***Sungai Perai Nature Walk 2026.***
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seberang Perai Tengah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Oriental Global Event Management** serta **Pejabat Penyelaras KADUN Penanti dan MPKK Kampung Kuala Mengkuang** di atas sokongan dan komitmen dalam menjayakan program ini.
3. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua peserta dan warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran perjalanan program kita hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Program ini merupakan antara inisiatif utama MBSP di bawah kerangka **Program Pembangunan Lestari** yang bertujuan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan pemeliharaan serta pemuliharaan sungai. **Sungai Perai Nature Walk 2026**, yang merupakan penganjuran kali ke-enam sejak tahun 2018, bukan sekadar aktiviti rekreasi semata-mata, tetapi satu platform pendidikan, pengaktifan komuniti serta pemerkasaan masyarakat (*community empowerment*) yang memperkukuh kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan komuniti setempat.
5. Berasaskan pendekatan **activation, education** dan **awareness**, program ini berperanan mempertingkatkan kefahaman masyarakat terhadap tanggungjawab kolektif dalam memelihara sungai sebagai khazanah semula jadi yang amat berharga.
6. Untuk makluman hadirin sekalian, lebih **650 orang peserta daripada pelbagai lapisan umur** mengambil bahagian dalam program ini. Mereka akan memulakan perjalanan santai sepanjang tebing sungai di **Kampung Kuala Mengkuang, Kubang Semang, Seberang Perai Tengah**, menyusuri laluan indah menuju ke **persimpangan Bukit Berangan, Kubang Semang, Seberang Perai Tengah**, sebelum berpatah balik ke garisan penamat di lokasi permulaan.

7. Sepanjang laluan sejauh **5.0 kilometer** ini, para peserta akan menikmati pemandangan aliran sungai yang tenang dan mempesonakan, serta panorama jambatan kereta api yang merentasi sungai dan menjadi mercu tanda ikonik kawasan ini. Keunikan struktur jambatan yang dihiasi lukisan mural menambah nilai estetika dan tarikan visual kepada laluan rekreasi ini. Peserta turut berpeluang meneroka keindahan flora dan fauna semula jadi yang menjadi khazanah warisan alam Seberang Perai.
8. Saya amat yakin bahawa program seperti ini dapat memberi impak positif dalam membentuk komuniti yang lebih cakna alam sekitar serta menanam semangat tanggungjawab dalam kalangan masyarakat terhadap penjagaan kebersihan dan kelestarian sungai. **Sungai Perai**, sebagai salah satu aset semula jadi penting di Seberang Perai, memiliki potensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan baharu yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.
9. Harapan saya agar program seperti ini akan terus diperluas dan diperkasa agar manfaatnya dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Inisiatif ini amat selari dengan aspirasi **Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara**, sekali gus memperkukuh identiti Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang lestari, inklusif dan progresif.

10. Sesungguhnya, sungai yang bersih dan lestari bukan sahaja mencerminkan kualiti alam sekitar kita, malah menggambarkan tahap kesedaran serta tanggungjawab masyarakat terhadap warisan yang perlu dipelihara bersama.
11. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Kepada para peserta, selamat menjalani aktiviti dengan semangat ceria dan penuh keinsafan terhadap pentingnya kita menjaga alam sekitar. Hayatilah keindahan yang dianugerahkan kepada kita, dan semaikanlah rasa cinta kepada bumi yang menjadi warisan untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.